



**1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.2 EB.3 [\$1,450 - \$2,270 SEBULAN]
KEKOSONGAN= 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pembelian dan Perbekalan / Pengajian Perniagaan / Pentadbiran / Pengurusan Perakaunan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah Berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penyelenggara Stor Tingkat I tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Pernah berkhidmat sebagai Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan berpangkat sekurang-kurangnya Pegawai Waran I atau Anggota Polis Diraja Brunei serta mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penyelenggara stor dan mempunyai rekod prestasi yang bersih dalam kerjayanya.

2. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira dan / atau Perakaunan dan / atau dalam pengurusan stor / kakitangan dan / atau pembelian alat-alat adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS:

1. Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
2. Menyediakan dan memastikan semua rekod / akaun / ledger dan buku stok sentiasa dikemaskinikan / teratur mengikut dasar dan peraturan / sistem yang berkuatkuasa masa kini.
3. Menyelia / membuat perancangan pembelian barang-barang mengikut permintaan / paras stok diperlukan.
4. Menyediakan pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok.
5. Melaksanakan pemeriksaan stok dan memastikan mencukupi dan terkawal.
6. Menyediakan laporan / penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan / hapus kira terhadap barang-barang stor.